Sinar Harian
suara cakna komuniti anda
HARI : KHAMIS
TARIKH : 20/6/2019
M/SURAT : 18

MFA catat pencapaian positif

Catat 400 penyertaan ahli francais pada 2019 di seluruh Malaysia

NOOR AINULYAKIN ISHAK

KUALA LUMPUR

Persatuan Francais Malaysia (MFA) terus mencatatkan pencapaian positif dalam dunia perniagaan francais.

Pengerusinya, Datuk Radzali Hassan berkata, pencapaian tersebut dapat dilihat dari segi jumlah peningkatan ahli francais dan sambutan menggalakkan daripada penganjuran Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa (FIM) 2019 lalu.

"Dari tahun ke tahun, MFA menunjukkan pencapaian menggalakkan terutama pada 2018 hingga 2019 di mana ada peningkatan ahli daripada 370 ahli kepada 400 ahli francais tahun ini.

"FIM yang berlangsung pada April lalu juga memperlihatkan corak industri francais yang semakin menggalakkan biarpun dalam keadaan ekonomi global yang banyak cabaran.

"Daripada FIM itu, turut menjadi penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah perniagaan francais MFA sebanyak RM32 bilion tahun lalu dan menyasarkan RM35 bilion bagi 2019 hingga 2020," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Anugerah Francais Malaysia (AFM) kali ke-22 di Hotel Seri Pacific di sini semalam.

FOTO: SHARIFUDDIN ABDUL RAHIM

Radzali (tengah) bersama Timbalan Pengerusi MFA, Datuk Zahtiah Abd Kadir (kiri) dan Timbalan Pengerusi MFA 2, Deric Yeo pada pelancaran dan sidang media Anugerah Francais Malaysia (AFM 2019) di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur semalam.

Dalam pada itu, Radzali berkata, AFM dianjurkan bagi memberi pengiktirafan kepada usahawan francais yang menunjukkan prestasi cemerlang.

"Bagi mengekalkan prestijnya, pemenang anugerah dipilih oleh panel penilai berkecuali yang terdiri daripada profesional dan akademik yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan industri francais," katanya.

Beliau berkata, sebanyak enam kategori utama dipertandingkan manakala dua kategori penghargaan khas iaitu Penghargaan Khas Individu dan Penghargaan Khas Organisasi.

"Penyertaan telah dibuka bermula hari ini (semalam) dan tarikh tutup bagi pencalonan AFM adalah pada penghujung Julai ini," katanya.

Menurutnya, pihaknya menjangkakan penyertaan penggiat francais meningkat kepada 60 penyertaan pada AFM 2019 yang akan berlangsung di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur pada 4 Oktober depan.

"Tahun lalu, kita berjaya menarik 40 penyertaan dan tahun ini kita jangkakan jumlah itu meningkat kepada 60 penyertaan," katanya.